

100 hari cabaran imbangi

keperluan pengguna, peniaga



Datuk Alexander Nanta Linggi

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sejurus mengangkat sumpah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta menggalas amanah diberikan Perdana Menteri, saya sedar cabaran dan tanggungjawab akan dipikul bukan mudah.

Menjaga kepentingan lebih 32 juta rakyat Malaysia yang semuanya adalah pengguna, tidak boleh dipandang ringan. Untuk mewujudkan keseimbangan antara peniaga dan pengguna, antara fungsi utama kementerian.

Sedap kepufusan menagih elemen ketegasan dalam kelembutan, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung pula tidak berselerak.

Hari pertama menjalankan kakitangan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) pada 10 Mac lalu, gelombang pandemik COVID-19 mula menampakkan diri di Malaysia. Bahaya mengancam bukan sahaja kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat, tetapi juga ekonomi negara.

Tanggal 18 Jun ini genap 100 hari saya menerajui KPDNHEP. Sepanjang 100 hari pertama ini bukan permaidani merah, bukan juga tempoh percubaan, malah bukan juga masa berbulan madu. Penting bagi sebuah kerajaan baharu untuk meyakinkan rakyat mematuhi langkah pencegahan penularan, ekonomi yang terjejas tertuk akibat pandemik dan membangun semula sektor perdagangan domestik pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) nanti.

Mengimbas kembali dua minggu menjadi menteri, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP bermula 18 Mac lalu. Suasana panik kerana ramai beranggapan kerajaan mengenakan perintah berkurung yang membataskan pergerakan.

Pengalaman pertama menghadapi PKP sudah tentu menakutkan semua ditambah pelbagai versi cerita viral di media sosial.

Selangit pengguna menyerbu pasar raya membuat pembelian panik dengan alasan kyonnya stok makanan akan kehabisan.

Timbalan menteri terus turun padang melihat sendiri suasana di sebuah pasar raya di Cheras. Tak cukup dengan itu, isu kekurangan bekalan makakan harian seperti bawang, roti dan telur dimainkan melalui media sosial menjadikan suasana bertambah tegang.

Saya terus mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) serta penggiat industri terdiri pembekal, pemborong dan peruncit. Saya juga turun padang ke ladang ayam di Rasa, Hulu Selangor dan ladang telur ayam di Yong Peng, Johor, selain melakukan sesi libat urus dengan pengeluar roti, pembuat pelitup muka, pasar raya besar dan kecil serta pasar awam.

Jaminan diberikan semua pemang taruh rantaian bekalan makakan cukup melegakan. Rakyat faham seluruh rantaian bekalan dan tidak panik lagi apabila melihat rak di pasar raya kosong, kerana tahu ia hanya menunggu bekalan baharu dari stor pusat pasar raya berkenaan.

Keyakinan rakyat bertambah baik apabila melihat pegawai peguam kuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan setiap hari bagi memastikan bekalan mencukupi.

Kami juga membangunkan prosedur operasi standard (SOP) di semua premis perniagaan supaya pengguna dapat membeli barang keperluan dan pada masa sama melindungi diri daripada penularan yang menyumbang kejayaan negara membendung COVID-19.

Isu bekalan dan harga pelitup muka serta cecair sanitasi mendominasi perhati-

an umum, berjaya ditangani hasil pertemuan bersama pemegang taruh dan penggiat industri, termasuk melaksanakan larangan eksport, mengawal harga maksimum pada paras RM1.50 dan meningkatkan import untuk memastikan bekalan mencukupi.

KPDNHEP juga mengkompaun syarikat terbabit beratus ribu ringgit atas kesalahan mengambil keuntungan tidak munasabah, kesalahan berkaitan alat timbang sukat, menyorok bekalan semata-mata berniat menaikkan harga dan pelbagai kesalahan lain. Kebanyakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (AKHAP) 2011.

Kami turut serta terbabit dengan task force bersama MOA dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), malah membangunkan SOP dan senarai soalan lazim (FAQ) bagi membolehkan perniagaan dibu-

**Keyakinan
rakyat
bertambah baik
apabila melihat
pegawai penguat
kuasa KPDNHEP
membuat pemeriksaan
setiap hari bagi
memastikan bekalan
mencukupi.**

ka sedikit demi sedikit ke arah pemuliharaan ekonomi apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan.

Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) bagi Aidilfitri, Pesta Kanan dan Hari Gawai membantu meredakan kerungsingan pengguna berhubung harga barang keperluan utama dalam persiapan menyambut perayaan.

Sejumlah 35 jenis barang keperluan utama dimasukkan dalam senarai SHMMP. Tempoh dipendekkan kepada 15 hari kali ini untuk menyimbangkan keperluan pengguna dan merancakkan perniagaan.

Jumlah kesalahan di bawah AKHAP 2011 hanya 50 kes, membuktikan tahap keputusan kedua-dua pihak. Peniaga dan pengguna memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa pelaksanaan skim ini.

Cabar kedua memuliharkan ekonomi yang lumpuh akibat COVID-19 terutama sektor peruncitan. Perlu diingat, perdagangan dalam negeri menyumbang 67 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan saya arahkan supaya pelan pemuliharaan dirancang serta dilaksana segera seiring Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP).

Banyak sektor tambahan dibuka termasuk perkhidmatan gunting rambut. Perancangan sedang giat dilajukan untuk melaksanakan kempen jualan 'Malaysia Sales', Sales District dan Kempen Jualan Barangan Buatan Malaysia sehingga Disember 2020.

Dalam tempoh PKP sehingga PKPP, saya lihat perniagaan dalam talian menjadi trending. Transaksi dan urus niaga dalam talian meningkat berlipat ganda merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Saya bangga penglibatan KPDNHEP bersama kerajaan dan rakyat memerangi COVID-19 membawa hasil bertaraf dunia. Saya puas hati dengan kejayaan kerementerian melaksanakan punca kuasa diamanahkan, terutama mengawal bekalan dan harga barang keperluan, membangunkan SOP menjamin keselamatan rakyat dan membangunkan semula ekonomi negara.

Saya optimis kita dapat melangkah bangga membangunkan semula Malaysia menjadi sebuah negara maju, makmur dan rakyatnya bersatu padu.

Tempoh 100 hari pertama yang punah cabaran, tetapi amat meyakinkan. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit COVID-19 dahulu, berenang-senang kemudian ke arah Malaysia gemilang!

Memang sesuatu yang baharu itu tidak mudah. Terdapat isu penipuan dan juga kekangan dari segi penghantaran. Tetapi ia juga mewujudkan banyak perniagaan sampingan. Ramai rakyat terbiasa dengan e-wallet, e-order dan ramai juga menjadi usahawan dalam talian.

KPDNHEP terus-menerus melaksanakan advokasi kepenggunaan di semua platform termasuk tip berbelanja dan mengelakkan pengguna ditipu.

Kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut membantu mengangkat fenomena penipuan dalam talian daripada terus mendominasi urus niaga normal baharu ini.

Tempoh 100 hari pertama saya dilalui dengan pelbagai cerita. Pengalaman sebagai Ahli Parlimen dan timbalan menteri dahulu banyak membantu menggalas amanah lebih besar dan berat ini.

Saya bertuah ada pasukan kerja hebat untuk sama-sama mencapai visi dan misi KPDNHEP serta kerajaan. Saya dan timbalan menteri yakin atas komitmen serta sokongan diberikan.


Sepanjang tempoh ini, saya tidak berpeluang turun padang di kawasan Parlimen sendiri di Kapit, Sarawak, namun kecanggihan komunikasi membolehkan hubungan secara maya dengan pegawai serta pengundi.

Ini membantu menyelesaikan permasalahan mereka. Saya juga berkesempatan meninjau pelaksanaan SHMMP Hari Gawai di Kuching dan Serian.

Saya bangga penglibatan KPDNHEP bersama kerajaan dan rakyat memerangi COVID-19 membawa hasil bertaraf dunia. Saya puas hati dengan kejayaan kerementerian melaksanakan punca kuasa diamanahkan, terutama mengawal bekalan dan harga barang keperluan, membangunkan SOP menjamin keselamatan rakyat dan membangunkan semula ekonomi negara.

Saya optimis kita dapat melangkah bangga membangunkan semula Malaysia menjadi sebuah negara maju, makmur dan rakyatnya bersatu padu.

Tempoh 100 hari pertama yang punah cabaran, tetapi amat meyakinkan. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit COVID-19 dahulu, berenang-senang kemudian ke arah Malaysia gemilang!



100 hari cabaran imbangi keperluan pengguna, peniaga



Datuk Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sejurus mengangkat sumpah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta menggalas amanah diberikan Perdana Menteri, saya sedar cabaran dan tanggungjawab akan dipikul bukan mudah.

Menjaga kepentingan lebih 32 juta rakyat Malaysia yang semuanya adalah pengguna, tidak boleh dipandang ringan. Untuk mewujudkan keseimbangan antara peniaga dan pengguna, antara fungsi utama kementerian.

Setiap keputusan menagih elemen ketegasan dalam kelembutan, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung pula tidak berselerak.

Hari pertama menjelaskan kami di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) pada 10 Mac lalu, gelombang pandemik COVID-19 mula menampakkan diri di Malaysia. Bahaya mengancam bukan sahaja kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat, tetapi juga ekonomi negara.

Tanggal 18 Jun ini genap 100 hari saya menerajui KPDNHEP. Sepanjang 100 hari pertama ini bukan permaidani merah, bukan juga tempoh percubaan, malah bukan juga masa berbulan madu.

Penting bagi sebuah kerajaan baharu untuk meyakinkan rakyat mematuhi langkah pencegahan penularan, ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik dan membangun semula sektor perdagangan domestik pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) nanti.

Mengimbas kembali dua minggu menjadi menteri, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP bermula 18 Mac lalu. Suasana panik kerana ramai beranggapan kerajaan mengenakan perintah berkurung yang membataskan pergerakan.

Pengalaman pertama menghadapi PKP sudah tentu menakutkan semua ditambah pelbagai versi cerita viral di media sosial.

Selasa, 16 Jun 2020 | 11:00am



100 hari cabaran imbangi keperluan pengguna, peniaga

Oleh Datuk Alexander Nanta Linggi
bhrenanca@bh.com.my

Sejurus mengangkat sumpah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta menggalas amanah diberikan Perdana Menteri, saya sedar cabaran dan tanggungjawab akan dipikul bukan mudah.

Menjaga kepentingan lebih 32 juta rakyat Malaysia yang semuanya adalah pengguna, tidak boleh dipandang ringan. Untuk mewujudkan keseimbangan antara peniaga dan pengguna, antara fungsi utama kementerian.

Setiap keputusan menagih elemen ketegasan dalam kelembutan, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung pula tidak berselerak.

Hari pertama menjajakan kaki di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 10 Mac lalu, gelombang pandemik COVID-19 mula menampakkan diri di Malaysia. Bahaya mengancam bukan sahaja kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat, tetapi juga ekonomi negara.

Tanggal 18 Jun ini genap 100 hari saya menerajui KPDNHEP. Sepanjang 100 hari pertama ini bukan permaidani merah, bukan juga tempoh percubaan, malah bukan juga masa berbulan madu.

Penting bagi sebuah kerajaan baharu untuk meyakinkan rakyat mematuhi langkah pencegahan penularan, ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik dan membangun semula sektor perdagangan domestik pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) nanti.

Mengimbasi kembali dua minggu menjadi menteri, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKP bermula 18 Mac lalu. Suasana panik kerana ramai beranggapan kerajaan mengenakan perintah berkung yang membataskan pergerakan.

Pengalaman pertama menghadapi PKP sudah tentu menakutkan semua ditambah pelbagai versi cerita viral di media sosial. Segelintir pengguna menyerbu pasar raya membuat pembelian panik dengan alasan kononnya stok makanan akan kehabisan.

Timbalan menteri terus turun padang melihat sendiri suasana di sebuah pasar raya di Cheras. Tak cukup dengan itu, isu kekurangan bekalan makanan harian seperti bawang, roti dan telur dimainkan melalui media sosial menjadikan suasana bertambah tegang.

Saya terus mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) serta penggiat industri terdiri pembekal, pemborong dan peruncit. Saya juga turun padang ke ladang ayam di Rasa, Hulu Selangor dan ladang telur ayam di Yong Peng, Johor, selain melakukan sesi libat urus dengan pengeluar roti, membuat pelitup muka, pasar raya besar dan kecil serta pasar awam.

Jaminan diberikan semua pemegang taruh rantaian bekalan makanan cukup melegakan. Rakyat faham seluruh rantaian bekalan dan tidak panik lagi apabila melihat rak di pasar raya kosong, kerana tahu ia hanya menunggu bekalan baharu dari stor pusat pasar raya berkenaan.

Keyakinan rakyat bertambah baik apabila melihat pegawai penguat kuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan setiap hari bagi memastikan bekalan mencukupi.

Kami juga membangunkan prosedur operasi standard (SOP) di semua premis perniagaan supaya pengguna dapat membeli barang keperluan dan pada masa sama melindungi diri daripada penularan yang menyumbang kejayaan negara membendung COVID-19.

Isu bekalan dan harga pelitup muka serta cecair sanitasi mendominasi perhatian umum, berjaya ditangani hasil pertemuan bersama pemegang taruh dan penggiat industri, termasuk melaksanakan larangan eksport, mengawal harga maksimum pada paras RM1.50 dan meningkatkan import untuk memastikan bekalan mencukupi.

KPDNHEP juga mengkompaun syarikat terbabit beratus ribu ringgit atas kesalahan mengambil keuntungan tidak munasabah, kesalahan berkaitan alat timbang sukat, menyorok bekalan semata-mata berniat menaikkan harga dan pelbagai kesalahan lain. Kebanyakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (AKHAP) 2011.

Kami turut serta terbabit dengan task force bersama MOA dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), malah membangunkan SOP dan senarai soalan lazim (FAQ) bagi membolehkan perniagaan dibuka sedikit demi sedikit ke arah pemulihan ekonomi apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan.

Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai membantu meredakan kerunsingan pengguna berhubung harga barang keperluan utama dalam persiapan menyambut perayaan.

Sejumlah 35 jenis barang keperluan utama dimasukkan dalam senarai SHMMP. Tempoh dipendekkan kepada 15 hari kali ini untuk menyeimbangkan keperluan pengguna dan merancakkan perniagaan.

Jumlah kesalahan di bawah AKHAP 2011 hanya 50 kes, membuktikan tahap kepatuhan kedua-dua pihak. Peniaga dan pengguna memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa pelaksanaan skim ini.

Cabarannya memulihkan ekonomi yang lumpuh akibat COVID-19 terutama sektor peruncitan. Perlu diingat, perdagangan dalam negeri menyumbang 67 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan saya arahkan supaya pelan pemulihan dirancang serta dilaksana segera seiring Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Banyak sektor tambahan dibuka termasuk perkhidmatan gunting rambut. Perancangan sedang giat dijalankan untuk melaksanakan kempen jualan 'Malaysia Sales', Sales District dan Kempen Jualan Barang Buatan Malaysia sehingga Disember 2020.

Dalam tempoh PKP sehingga PKPP, saya lihat perniagaan dalam talian menjadi trending. Transaksi dan urus niaga dalam talian meningkat berlipat ganda merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Memang sesuatu yang baharu itu tidak mudah. Terdapat isu penipuan dan jugakekangan dari segi penghantaran. Tetapi ia juga mewujudkan banyak perniagaan sampingan. Ramai rakyat terbiasa dengan e-wallet, e-order dan ramai juga menjadi usahawan dalam talian.

KPDNHEP terus-menerus melaksanakan advokasi kepenggunaan di semua platform termasuk tip berbelanja dan mengelakkan pengguna ditipu.

Kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut membantu mengekang fenomena penipuan dalam talian daripada terus mendominasi urus niaga normal baharu ini.

Tempoh 100 hari pertama saya dilalui dengan pelbagai cerita. Pengalaman sebagai Ahli Parlimen dan timbalan menteri dahulu banyak membantu menggalas amanah lebih besar dan berat ini.

Saya bertuah ada pasukan kerja hebat untuk sama-sama mencapai visi dan misi KPDNHEP serta kerajaan. Saya dan timbalan menteri yakin atas komitmen serta sokongan diberikan.

Sepanjang tempoh ini, saya tidak berpeluang turun padang di kawasan Parliment sendiri di Kapit, Sarawak, namun kecanggihan komunikasi membolehkan hubungan secara maya dengan pegawai serta pengundi.

Ini membantu menyelesaikan permasalahan mereka. Saya juga berkesempatan meninjau pelaksanaan SHMMP Hari Gawai di Kuching dan Serian.

Saya bangga penglibatan KPDNHEP bersama kerajaan dan rakyat memerangi COVID-19 membawa hasil bertaraf dunia. Saya puas hati dengan kejayaan kementerian melaksanakan punca kuasa diamanahkan, terutama mengawal bekalan dan harga barang keperluan, membangunkan SOP menjamin keselamatan rakyat dan membangunkan semula ekonomi negara.

Saya optimis kita dapat melangkah bangga membangunkan semula Malaysia menjadi sebuah negara maju, makmur dan rakyatnya bersatu padu.

Tempoh 100 hari pertama yang penuh cabaran, tetapi amat meyakinkan. 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit COVID-19 dahulu, bersenang-senang kemudian' ke arah Malaysia gemilang!

Penulis adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/06/700794/100-hari-cabaran-imbangi-keperluan-pengguna-peniaga>